

1974

KUALA LUMPUR, 21 NO. (BERNAMA) — KEMENTERIAN PELAJARAN SENTIASA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU UNTUK MENJAMIN DAN MEMPASTIKAN KETINGGIAN MUTU BAHASA DAN PENGAJARAN BAHASA CHINA DI SEKOLAH-SEKOLAH, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA MATAPELAJARAN BAHASA CHINA ADALAH DIJADIKAN MATAPELAJARAN PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH III DAN KURIKULUM BAGI PELAJARAN PENGAJARAN BAHASA CHINA DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN TELAH DISEMAK DAN

DISUNGGUHKAN UNTUK TUJUAN MENINGGIKAN LAGI MUTU BAHASA DAN PENGAJARAN BAHASA ITU.

NAZIR-NAZIR PERSEKUTUAN SENTIASA MELAWAT KE SEKOLAH-SEKOLAH UNTUK MENGAJI DAN MEMBERI NASIHAT DI DALAM HAL BERNUBUNG DENGAN PERLAKSANAAN PENGAJARAN SEMUA MATAPELAJARAN.

BELIAU MENJAWAB SOALAN ENCIK FARN SEONG THAN (DAP - SUNGAI BESI).

MENJAWAB ENCIK LIM KIT SIANG (DAP - KOTA MELAKA), DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIANNYA TELAH MENERIMA MEMORANDUM DARIPADA PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR HAIWAN MALAYSIA MAKTAB HAIWAN MADRAS MENGENAI PERMINTAAN MEREKA MENAIKKAN TARAF MAKTAB HAIWAN MADRAS KE TARAF SAMA DENGAN INSTITIUT-INSTITIUT HAIWAN YANG TERTERA DALAM AKTA EDUKATOR HAIWAN.

MEMORANDUM TERSEBUT TELAH DIRUJUKKAN KE JAWATANKUASA TETAP PENILAIAN DAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN-KELAYAKAN.

KATA BELIAU KERAJAAN AKAN MENIMBANGKAN PERKARA TERSEBUT SELEPAS JAWATANKUASA BERKENAAN, MENGAMBIL KEPUTUSAN TENTANG KELAYAKAN ITU.

— BERNAMA 1715/LK